

29 JUL 1999

Mahathir-Budaya

DR MAHATHIR SERU ORANG MELAYU PERTAHANKAN NILAI BUDAYA

DUNGUN, 29 Julai (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyeru orang Melayu di negara ini supaya mempertahankan nilai-nilai budaya sendiri kerana ia berupaya mengangkat martabat bangsa Melayu ke peringkat dunia.

Perdana Menteri berkata budaya Melayu telah sedia dipupuk sejak beratus tahun dan kalau nilai itu dihapuskan akan hilanglah bangsa Melayu itu sendiri.

Beliau turut mengakui ada sesetengah pihak cuba menghapuskan bangsa Melayu dan perbuatan itu jelas dilakukan oleh golongan yang bukan berfikiran panjang dan berkepentingan individu.

"Budaya termasuk yang berkaitan dengan persilatan telah diwarisi dan ia perlu dipupuk kerana telah memperkenalkan siapa kita," katanya ketika berucap pada malam kemuncak Hari Himpunan Pendekar peringkat Terengganu di Padang Astaka Dungun, malam ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob serta pemimpin Barisan Nasional negeri.

Lebih 10,000 orang pelbagai lapisan masyarakat termasuk kira-kira 5,000 pesilat dari seluruh negeri membanjiri padang astaka itu.

Beliau berkata kalau budaya itu dihapuskan "kita tidak akan kenal sesuatu bangsa kerana identiti bangsa itu bukan kerana kulit, tempat atau bahasa tetapi nilai budaya yang dipegangnya".

Dr Mahathir juga mendedahkan terdapat sesetengah pihak yang cuba menghapuskan jenis-jenis hiburan berbentuk budaya di negara ini yang jelas akan merugikan tamadun bangsa itu.

"Budaya khususnya berkaitan silat juga membentuk disiplin tinggi supaya individu itu tidak bersifat keterlaluan serta mengikut nafsunya kerana kalau nafsu menjadi tidak terkawal maka mereka akan menghadapi kemusnahan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah berjaya menguruskan kewangan dengan bijak serta mempunyai kekuatan sendiri untuk menghadapi masalah yang berlaku di negara ini.

Sambil menafikan tuduhan sesetengah pihak kononnya kerajaan membazirkan wang negara dan tidak menguruskannya dengan bijak, beliau berkata: "Ia adalah sesuatu yang tidak berasas."

Beliau berkata melalui kawalan modal yang dilaksanakan September lepas kerajaan tidak menghadapi masalah kerana kerajaan mempunyai cukup wang untuk mengimport bahan makanan seperti susu, gula dan daging.

"Kalau benar-benar kita membazir kita tak dapat membekalkan barangan import ini dengan harga yang ada sekarang dan mungkin negara akan menjadi miskin," katanya.

Menurutnya dengan kemampuan itu juga kerajaan mampu membayar RM600 kepada kakitangan kerajaan dalam tempoh enam bulan dan menaikkan gaji guru.

-- BERNAMA

SBS AKD